

## **Isu Perkahwinan bagi Wanita Muallaf tanpa disertai oleh Suami di Great Britain pada Perspektif Maqasid Syariah**

### ***The Issue of Marriage for Women Converts without Their Husband in Great Britain from the Perspective of Maqasid Syariah***

Mohammad Nasir, N. S. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pengajian Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
Tel: +6011-11203929 E-mel: syahirahnasir@unisza.edu.my

Ishak, M. S. I.

Pusat Pengajian Kewangan dan Perbankan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
Tel: +6010-8381950 E-mel: shahrulifwat@unisza.edu.my

Abdul Wahab, N.

Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusahawanan, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
Tel: +6014-8257447 E-mel: norazilawatiwahab@unisza.edu.my

Razali, K.

Pusat Pengajian Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
Tel: +6014-5346658 E-mel: kautharrazali@unisza.edu.my

Moktar, M. S.

Pusat Pengajian Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia  
Tel: +6019-9617252 E-mel: sufianmoktar@unisza.edu.my

#### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa isu perkahwinan wanita *muallaf* tanpa disertai oleh suami dari perspektif *Maqasid Syariah* di Great Britain. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana data kajian diperolehi melalui temu bual separa berstruktur bersama beberapa orang mufti tempatan di Great Britain. Dapatan kajian menunjukkan

pembubaran perkahwinan dalam situasi tertentu dilihat akan memberi kemudaratan kepada wanita *muallaf* ini dari segi emosi dan psikologi sekaligus boleh menjejaskan imej Islam seolah-olah ingin memecahbelahkan institusi kekeluargaan, sedangkan ada dalam kalangan suami yang bersikap terbuka dalam soal agama bahkan memberi sokongan kepada isteri dalam melaksanakan tanggung jawab sebagai

Muslim. Kesimpulan kajian menunjukkan isu perkahwinan ini memerlukan pendekatan yang berbeza mengikut situasi lebih-lebih lagi di negara Muslim minoriti. Impikasi kajian ini memerlukan para mufti menggunakan pendekatan *tadarruj* (secara berperingkat) dan sikap toleransi dalam pelaksanaan hukum Islam untuk membubarkan perkahwinan tersebut kerana keadaan wanita *muallaf* yang masih belum mantap dalam memahami Islam boleh menimbulkan salah faham tentang agama ini. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti isu perkahwinan ini menurut perspektif undang-undang di negara-negara Muslim minority yang lain.

**Kata kunci:** Muslim minoriti; *Muallaf*; *Maqasid Syariah*; Perkahwinan; Wanita

### **Abstract**

*The objective of this study is to analyze the issue of marriage for women who convert to Islam without their husbands following suit, from the perspective of Maqasid Syariah (the objectives of Islamic law). This qualitative research employs an exploratory method, with data gathered through semi-structured interviews with several local muftis and Islamic scholars in Britain. The findings indicate that the dissolution of marriage in certain situations can cause harm to these female converts, both emotionally and psychologically, which may tarnish the image of Islam as if it seeks to dismantle the family institution. This is despite some husbands being open-minded about religious matters and even supporting their wives in fulfilling their responsibilities as Muslims. Therefore, this issue requires a different approach depending on the situation. The implications of this study suggest that mufti should adopt a gradual (tadarruj) approach and display tolerance in the application of Islamic law when*

*dissolving such marriages, as their lack of firm understanding of Islam could lead to misconceptions about the religion. Further research is recommended to broaden the discussion of this issue in other Muslim minority countries.*

**Keywords:** Muslim minority; *Muallaf*; *Maqasid Syariah*; Marriage; Women

### **Pengenalan**

*Maqasid Syariah* (objektif syariah) merupakan elemen penting dalam usaha mengaplikasikan hukum-hakam syariah. Melalui *Maqasid Syariah*, setiap hukum akan dipastikan hasilnya membawa kepada kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Dalam masa yang sama, *maqasid* berperanan besar dalam usaha mengharmonikan tuntutan dan prinsip syariah yang diwahyukan dengan realiti semasa yang sentiasa berubah-ubah sama ada disebabkan oleh perubahan zaman, tempat atau keadaan. *Maqasid* bertindak sebagai metodologi buat ilmuan dalam berinteraksi dengan *al-Quran* dan *al-Sunnah*. Ini termasuklah memahami kedua-dua sumber rujukan utama ini memerlukan pendekatan khusus agar kefahaman terhadap syariah menjadi lebih holistik dan hikmah setiap peraturan dapat dihayati. Begitu juga aspek kedua pendekatan *maqasid* ialah dengan menilai serta mengkaji dengan lebih mendalam keadaan semasa. Ini kerana realiti mempengaruhi implikasi sesuatu hukum sejauh mana ia selari dengan *Maqasid Syariah* apabila hukum tersebut diaplikasi. Justeru, *Maqasid Syariah* diperlukan dalam usaha mengharmonikan antara wahyu dan realiti. Ini penting agar syariah sentiasa relevan dalam kehidupan.

Antara lapangan yang memerlukan pendekatan *Maqasid Syariah* ialah *Fiqh al-Aqalliyat* iaitu hukum-hakam yang berkaitan dengan orang Islam yang tinggal

di negara bukan Islam di mana mereka menjadi golongan yang minoriti. Disebabkan bilangan Muslim yang sedikit di negara yang diperintah oleh kerajaan bukan Islam, keadaan dan cabaran yang mereka hadapi kebanyakannya berbeza dengan keadaan Muslim yang berada di negara-negara majoriti Islam (Al-Qardawi, 2001). Terdapat beberapa faktor yang menjadikan keadaan Muslim di negara majoriti bukan Muslim berbeza dengan Muslim di negara majoriti penduduknya Muslim, antaranya dari aspek politik, ekonomi, sosial di mana mereka tiada kuasa dalam melaksanakan hukum-hukum Islam dalam perundangan negara dan agak terbatas dalam menegakkan syiar-syiar Islam secara meluas di negara tersebut. Kekangan-kekangan yang mereka hadapi ini kadangkala menyebabkan timbul isu-isu baharu dalam pengamalan agama dan kehidupan sebagai seorang Muslim sehingga menjadikan mereka berkehendak kepada fatwa-fatwa khas bersesuaian dengan keadaan mereka.

Muslim minoriti mempunyai pengertian yang berbeza berdasarkan unsur kepelbagaian sesebuah wilayah dengan wilayah yang lain, sebuah negara dengan sebuah negara yang lain dan sebagaimana juga suatu zaman dengan suatu zaman yang lain. Definisi Muslim minoriti merujuk kepada kelompok Muslim yang hidup dalam masyarakat di mana mereka bukan kelompok agama yang dominan, sering kali berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan identiti agama mereka sambil menyesuaikan diri dengan norma sosial majoriti (Rahman, 2018). Kedatangan mereka adalah berbeza terutama sekali dalam konteks sejarah dan perkembangannya. Beberapa kelompok Islam minoriti misalnya, hidup secara bertaburan di dalam sesebuah negara, manakala yang lain pula tertumpu di suatu bahagian tertentu, membentuk sebuah

kelompok majoriti di bahagian tertentu di dalam sebuah negara. Di sebalik kedatangan mereka di seluruh negara, ia adalah bergantung kepada keperluan hidup sama ada dalam bentuk ekonomi, politik dan juga sosial (Kashan, 2017).

Menurut Buang (2022), kedatangan Muslim di Eropah berlaku pada beberapa peringkat. Bermula pada tahun 1874 disebabkan perkembangan ekonomi, diikuti pada tahun 1916 dengan 17 orang dari Gujerat, India ke New Zealand, dan pada tahun 1950-an hingga 1960-an dengan empat keluarga besar dari Bosnia, Kosovar, dan Albania. Menjelang tahun 1970-an, penghijrahan meningkat dengan 1425 orang dari India dan Fiji pada tahun 1976 disebabkan oleh pertikaian agama, yang terus meningkat pada tahun 2001 dengan 7,323 lelaki dan 6,042 wanita. Andalusia memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada tamadun Barat, di mana ilmu-ilmu Islam berkembang ke Lorraine, Jerman, Eropah Tengah, dan England pada akhir abad ke-13 Masihi, yang menarik minat masyarakat Islam untuk kekal di Eropah (Nor, 2010). Selain itu, penghijrahan golongan Muslim minoriti ke negara Eropah seperti Turki berpunca daripada peperangan di negara asal (Hamdani, 2019). Perang Russo-Ottoman 1877–1878, contohnya, menyebabkan masyarakat Muslim di Bulgaria mengalami penindasan, pengusiran, dan penghijrahan akibat usaha Rusia dan Bulgaria melakukan pembersihan etnik terhadap minoriti Muslim (Mansor et al., 2024). Menurut Salleh (1999), golongan Muslim minoriti berhijrah ke Eropah untuk mengembangkan syariat Islam dan sedar bahawa mereka berada di negara maju dengan pelbagai agama, bangsa, dan budaya.

*Maqasid Syariah* merupakan kombinasi bagi 2 perkataan Arab iaitu *maqasid* dan *syariah*. *Maqasid* merupakan *jamak* bagi

perkataan *maqasid* yang bermaksud objektif, niat dan matlamat, manakala *syariah* bermaksud undang-undang Islam yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW (Al-Ba'labaki, 1990). Secara umumnya, *Maqasid Syariah* bermaksud objektif atau matlamat syariat Islam demi kebaikan dan kemaslahatan hamba-hamba Allah SWT (Zaidan, 1968; Ishak & Asni, 2020). *Maqasid Syariah* boleh difahami sebagai tujuan yang dikehendaki Allah melalui syariat-Nya. Terma ini tidak begitu popular pada zaman silam, tetapi di zaman moden, ia dibincangkan dengan teliti oleh ilmuan kontemporari. Para ilmuan bersetuju bahawa *Maqasid Syariah* bertujuan untuk memelihara kepentingan kehidupan melalui penerapan hukum-hukum tersebut (Hamid, 2021), dengan pemahaman hikmah di sebalik peraturan Ilahi penting bagi memastikan kesejahteraan manusia.

Imam Al-Juwayni, Imam Al-Ghazali, dan Imam Izz 'Abd al-Salam adalah perintis dalam ilmu *Maqasid Syariah*, bermula dengan konsep lima keperluan asas manusia: *din, nafs, aql, nasab*, dan *maal*, diperkenalkan oleh Al-Juwayni dan diperhalusi oleh Al-Ghazali yang mentakrifkan masalah sebagai usaha melindungi lima elemen penting ini (Al-Ghazali, 1992; Al-Yubi, 1998). Setelah mereka, ilmuan seperti al-Qarafi, Al-Tufi, Ibn Taimiyyah, dan Ibn Qayyim memperluaskan konsep masalah dalam *Maqasid Syariah*, dengan Al-Qarafi mengemukakan *fath al-Zara'i* (membuka jalan kerana masalah), Al-Tufi menekankan keutamaan masalah berbanding nas, dan Ibn Taimiyyah serta Ibn al-Qayyim memperkenalkan klasifikasi baharu masalah dan unsur-unsur baharu *maqasid* seperti keadilan dan rahmat (Al-Raisuni, 1995).

Menerusi pendekatan *Maqasid Syariah*, kefahaman teks wahyu tidak sewajarnya

berlaku secara literal semata-mata. Sebaliknya ayat-ayat berkaitan hukum dalam al-Quran dan al-Hadith mesti diteliti secara tersirat supaya objektif hukum dapat difahami dengan jelas. Ini penting dalam memastikan setiap peraturan agama diaplikasi pada konteks yang sebenar. Dalam masa yang sama, *Maqasid Syariah* menjadi indikator dalam menentukan sejauh mana kejayaan pelaksanaan sesuatu hukum. Ini kerana pelaksanaan yang tepat akan membawa kesejahteraan dalam hidup manusia (Ishak & Asni, 2020).

Secara umumnya, fatwa bermaksud penjelasan dan penghuraian tentang hukum syarak bagi suatu permasalahan kepada orang yang bertanya (Ibn Manzur, 1994). Menelusuri sejarah pematwaan, fatwa telah dipraktikkan sejak era Rasulullah SAW (Milah, 2009) dan baginda telah menjadi tempat rujukan utama bagi para sahabat dalam menjelaskan permasalahan berkaitan agama yang merangkumi aspek ibadah, akidah dan akhlak sekaligus menjadikan baginda sebagai mufti pertama dalam sejarah Islam dan seterusnya diwarisi oleh para sahabat. Fatwa para sahabat pula banyak dipengaruhi hasil ijtihad mereka daripada interpretasi terhadap al-Quran dan Sunnah, serta konteks masyarakat pada waktu itu. Kemudian, fatwa berkembang secara sistematik pada zaman *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* sehingga pembentukan empat mazhab *fiqh*. Hal ini berlaku disebabkan fatwa berubah dan berbeza mengikut perubahan masa, tempat, keadaan dan niat (Ibn Qayyim, t.t.). Contohnya fatwa Imam Syafie berbeza ketika beliau berada di Iraq yang dikenali sebagai *qaul qadim* dan ketika berada di Mesir yang dikenali sebagai *qaul jadid* (Al-Ramli, 1984). Tambahan pula hari ini kemunculan pelbagai masalah baru memerlukan *tahqiq al-manat* yang khusus berdasarkan perbezaan realiti kesetempatan,

menunjukkan kepentingan dan keperluan berfatwa melalui persoalan masyarakat Islam setempat.

Timbulnya perubahan dan perbezaan fatwa mengikut masa, tempat dan keadaan adalah berdasarkan pertimbangan kemaslahatan umat Islam yang berbeza. Hal ini kerana inti tujuan syariat (*Maqasid Syariah*) untuk menjaga kemaslahatan manusia yang berubah-ubah tanpa meleraikan prinsip dan asas yang tetap atau *thawabit*. Oleh kerana itu, ijtihad seseorang mufti sekurang-kurangnya perlu mencapai tahap *mujtahid tanzili* atau menghampiri tahap tersebut. Justeru setiap mufti sama ada secara bersendirian atau kolektif, perlu berkeupayaan melakukan *tahqiq al-manat* dan *takyif al-fiqhi* demi memastikan sesuatu fatwa berupaya merealisasikan *Maqasid Syariah*. Oleh itu, fatwa berpandukan kepada *maqasid* dapat memelihara kehidupan dan kemuliaan manusia berteraskan petunjuk Ilahi.

Sehubungan itu, fatwa merupakan elemen penting dalam kehidupan umat Islam yang berfungsi sebagai panduan keagamaan dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada umat Islam berada di negara majoriti Muslim mahu pun di negara minoriti Muslim. Namun perbezaannya berlaku dari aspek keterikatan amalan berdasarkan atwa yang dikuatkuasakan atau pun sebaliknya. Contohnya, di negara majoriti penduduknya Islam seperti Brunei, fatwa terikat dengan sistem pemerintahan (Ansori, 2017). Di Malaysia, fatwa-fatwa yang diwartakan pula adalah terikat dengan undang-undang setempat yang mana apabila berlaku pelanggaran atau ketidakpatuhan boleh dikenakan tindakan undang-undang melalui peruntukan di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 AKTA 505 di bawah Seksyen 34 (Najib, 2022), manakala di negara-negara yang mempunyai penduduk Islam yang

minoriti, pengeluaran fatwa tidak diwartakan dan sekaligus tidak terikat dengan undang-undang setempat. Oleh itu pelaksanaan fatwa di negara-negara Muslim minoriti tertakluk ke atas individu dan bebas daripada undang-undang. Walaubagaimanapun fatwa sangat penting kepada setiap individu Muslim di seluruh dunia sebagai panduan dalam kehidupan seseorang Muslim.

Di samping realiti minoriti menjadi pertimbangan dalam fatwa yang dihasilkan, namun keselarasan fatwa tetap diperlukan dalam sesuatu institusi bagi mewujudkan amalan seseorang Muslim yang berdisiplin meskipun berada dalam negara minoriti Muslim. Di Britain, kebanyakan masjid mengambil peranan menyediakan perkhidmatan fatwa yang mana ia dikendalikan oleh imam-imam yang dilantik dan mereka mempunyai latar belakang *syariah* yang kuat. Dalam kalangan mereka juga terdiri daripada ahli Majlis Fatwa Eropah. *The European Council for Fatwa and Research* (ECFR) merupakan salah satu institusi yang mengumpulkan ulama' di seluruh Eropah bagi membincangkan masalah-masalah berkaitan hukum Islam dan mengeluarkan fatwa secara kolektif bagi memenuhi keperluan umat Islam di Eropah (ECFR, 2010). Hasil penyelidikan dan fatwa yang dikeluarkan oleh institusi ini menjadi rujukan kebanyakan imam-imam dan Sarjana Islam di Britain dalam menjawab permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Ini kerana fatwa-fatwa yang dikeluarkan lebih menepati realiti keadaan Muslim di Eropah yang kebanyakannya berbeza dengan keadaan Muslim di tempat lain.

Antara isu yang sangat penting untuk diteliti terhadap golongan Muslim minoriti adalah berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan. Memandangkan golongan wanita merupakan golongan yang lebih

ramai memeluk Islam berbanding lelaki (Times Higher Education, 2013), maka timbul satu permasalahan tentang status perkahwinan wanita *muallaf* ini apabila penghijrahan mereka tidak disertai oleh pasangan; dengan kata lain suami mereka ingin kekal dengan agama yang sedang mereka anuti. Secara asasnya, syariat Islam tidak membenarkan mana-mana wanita Islam berkahwin dengan lelaki bukan Islam walaupun lelaki tersebut merupakan ahli kitab. Hal ini berdasarkan firman Allah:

فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ  
لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ

(Surah Mumtahanah: 10)

Maksudnya: “.. Maka jika kamu telah mengetahui bahwa mereka (benar-benar) beriman maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami mereka) orang-orang kafir. Mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka..”

Justeru, apabila berlaku isu seorang isteri memeluk Islam tetapi suaminya masih belum bersedia memeluk Islam atau tidak mahu meninggalkan agama asalnya, maka menurut pandangan majoriti Sarjana Islam dalam kalangan mazhab Hanafi, Maliki, Syafie, dan Hanbali pasangan ini adalah dilarang untuk terus kekal hidup bersama sebagai suami isteri, dengan kata lain, perkahwinan mereka perlu dibubarkan (ECFR, 2010).

Walaupun bagaimanapun, para ilmuan berbeza pendapat mengenai tempoh pembubaran perkahwinan apabila seorang isteri memeluk Islam. Mazhab Zahiri menegaskan perkahwinan tersebut harus dibubarkan serta-merta (Ibn Hazm, t.t). Sebaliknya, mazhab Maliki, Syafii, dan Hanbali membenarkan pasangan kekal bersama sehingga tamat tempoh iddah (Ibn

Abd Bar, 1992; Al-Shafii, 2001; Ibn Qudamah, 1997). Mazhab Hanafi membezakan isu ini berdasarkan lokasi; di *Dar Harb* (kawasan yang didirikan di dalamnya hukum-hakam selain Islam secara terang-terangan), perkahwinan mesti dibubarkan segera, manakala di *Dar Islam* (setiap kawasan yang didirikan di dalamnya hukum-hakam Islam secara terang-terangan atau secara Zahir), hakim akan menawarkan suami untuk memeluk Islam. Jika suami menolak, barulah perkahwinan dibubarkan (Al-Maghrinani, 2008).

Di zaman moden, undang-undang kekeluargaan Islam telah pun ditubuhkan di negara-negara Islam. Hampir semua negara Islam menghendaki pembubaran perkahwinan jika salah seorang memeluk Islam tanpa disertai pasangannya, kerana undang-undang Islam tidak mengiktiraf perkahwinan antara berbeza agama (Samuri & Khan, 2020). Namun begitu, keadaan berbeza di negara-negara minoriti Muslim di mana tidak ada undang-undang kekeluargaan Islam dan Institusi Kehakiman Syariah. Kebanyakan negara Barat yang berpaksikan kepada perundangan sekular tidak melarang pasangan berbeza agama untuk kekal bersama. Ilmuan kontemporari seperti Al-Qaradawi (2005) dan Al-Judai' (2008) membenarkan pasangan ini untuk tinggal bersama dengan syarat-syarat tertentu, menyandarkan pendapat mereka kepada tindakan Khalifah Umar dan Khalifah Ali serta pandangan al-Zuhri mengenai isu sama yang terjadi pada zaman mereka.

Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisa isu berkaitan wanita yang sudah berkahwin memeluk Islam tanpa disertai suami dari aspek *Maqasid Syariah*. Walaupun status perkahwinan sebegini perlu dibubarkan menurut pandangan majoriti Sarjana Islam dan seperti yang diamalkan dalam kalangan negara majoriti Muslim, namun latar belakang sejarah dan realiti semasa bagi

golongan minoriti Muslim perlu kepada pendekatan yang berbeza. Oleh itu aplikasi *Maqasid Syariah* amat penting dalam proses pengeluaran fatwa oleh *mufti* tempatan dalam berinteraksi dengan isu ini.

### Metodologi

Kajian ini menganalisa isu wanita memeluk agama Islam tanpa disertai suami mereka dari aspek *Maqasid Syariah*. Negara Britain dipilih sebagai tempat kajian bagi meneroka isu ini kerana ia merupakan negara Muslim minoriti yang mempunyai populasi Muslim terbesar di Eropah. Bagi mencapai objektif kajian, metode kualitatif telah diaplikasi. Metode ini menyokong tafsiran data teks melalui proses pengelasan secara sistematik untuk mengenal pasti tema tertentu (Hsieh & Shannon, 2005). Oleh itu, data kajian ini diperolehi daripada dua sumber: sekunder dan premier. Bagi data sekunder, diperolehi daripada bahan akademik seperti tesis dan jurnal manakala bukan akademik termasuklah makalah dan

akhbar. Walaubagaimanpun data sekunder terutamanya kajian kepustakaan mempunyai kelemahan seperti tidak terkini, berat sebelah, tidak lengkap atau tidak tepat kerana ia dikumpulkan untuk tujuan yang berbeza (Hox & Boeije, 2005).

Bagi mengatasi kelemahan data sekunder, data premier melalui temu bual telah dilaksanakan. Ini kerana isu ini harus difahami dari pengalaman sebenar yang sukar ditentukan berdasarkan data perpustakaan. Untuk itu, temu bual separa berstruktur bersama enam individu yang merupakan imam merangkap mufti di Britain telah dilaksanakan. Golongan ini dipilih kerana mereka merupakan tempat rujukan masyarakat sekeliling dan mempunyai pengalaman praktikal terlibat dengan isu perkahwinan dan kekeluargaan di sekitar Great Britain. Semua informan yang ditemu bual mempunyai latar belakang akademik *syariah* yang formal. Senarai informan adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Senarai informan

Informan	Latarbelakang
1	Imam di Edinburgh
2	Imam di Leeds
3	Imam di London
4	Imam di Aberdeen

Bagi menjaga keabsahan data, semua sesi temu bual telah dirakam menggunakan perakam audio, dan perkataan telah ditranskripsikan secara verbatim. Seterusnya, data dianalisa berdasarkan analisis tematik di mana beberapa tema telah pun dikenal pasti.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan beberapa kajian terdahulu, perkahwinan wanita yang asalnya bukan Islam dan kemudian memeluk Islam tanpa disertai suami perlu dibubarkan. Pembubaran perkahwinan boleh berlaku secara sukarela atau melalui perintah mahkamah. Islam tidak membenarkan seorang isteri yang beragama Islam tinggal bersama suami yang bukan Islam kerana

cara hidup yang berbeza dan amalan agama yang berlainan mungkin menimbulkan konflik. Proses membesarkan dan mendidik anak-anak juga akan terjejas jika kedua-dua ibu bapa mempunyai agama yang berlainan. Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa perkahwinan adalah satu garis pemilikan di mana isteri harus mentaati suami selagi tidak melanggar ketaatan kepada Allah S.W.T. Walaupun seorang

isteri mempunyai tanggungjawab terhadap suami, jika seorang wanita memeluk Islam tanpa disertai suami, maka perkahwinan tersebut harus dibubarkan (Abdullah, 2014).

Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama beberapa imam-imam di Great Britain, beberapa tema telah dikenalpasti sebagaimana Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Tema isu perkahwinan wanita *Muallaf*

Bil	Tema	Petikan temu bual
1.	Isu baru yang memerlukan <i>ijtihad</i>	<p><i>"Ini adalah isu baru yang tidak pernah berlaku pada zaman Nabi"</i></p> <p><i>"Isu ini berbeza daripada perbincangan klasik"</i></p> <p><i>"Tidak ada dalil yang jelas dari Al-Qur'an dan As-Sunnah tentang masalah ini"</i></p>
2.	Perkahwinan boleh dikekalkan berdasarkan situasi	<p><i>"Kami tidak mengatakan bahawa adalah halal baginya untuk kekal dengan suaminya yang bukan Muslim, tetapi kita juga tidak mengatakan ia haram sepenuhnya. Sebaliknya, kita memberi peluang kepadanya. Kami tidak memberikan fatwa umum bahawa ia dibenarkan untuk wanita Muslim ah baru untuk kekal dengan suami kafir mereka."</i></p> <p><i>"Perkahwinan boleh kekal selagi suami tidak menyakiti isterinya, menghormati agamanya, tidak menyusahkan isterinya, dan isterinya berharap suaminya memeluk Islam."</i></p> <p><i>"Saya tahu bahawa terdapat fatwa yang membenarkan wanita Muslim ah baru kekal dengan suaminya yang bukan Muslim. Fatwa ini adalah sebahagian daripada fiqh aqalliyyat (fiqh minoriti Muslim)".</i></p> <p><i>"Kita kekalkan perkahwinan ini dengan syarat suami menghormati agama isterinya, suami menghormati syiar-syiar Islam seperti Ramadan, Hari Raya, dan makanan halal serta tidak memaksa isterinya melakukan perkara yang bertentangan dengan agamanya."</i></p>
3.	Pembubaran perkahwinan mendatangkan kemudaratan	<p><i>"Jika kita mengatakan perkahwinan dibubarkan, ia akan membawa kepada pemisahan keluarga, dan hak penjagaan anak-anak mengikut beberapa undang-undang akan diberikan kepada bapa; kerana hakim melihat bahawa masalah ini asalnya berpunca dari wanita. Pada masa yang sama, wanita tersebut akan menghadapi penderitaan kerana dia mencintai suaminya dan suaminya mencintainya."</i></p> <p><i>"Jika pilihannya untuk beragama Islam, menurut ulama atau pun orang biasa, dia terpaksa melanggar akad nikah. Kemudian, keluarganya akan rosak, kemudian anak-anak mungkin diperlakukan mengikut undang-undang negara. Kononnya,</i></p>



---

*mereka diberikan kepada ibu mereka kerana mereka masih muda tetapi beberapa undang-undang mungkin memberi hak kepada suami kerana dia mula menimbulkan masalah”.*

*“Sebuah keluarga perlu hidup bersama: anak-anak bersama bapa dan ibu mereka dan bukan untuk membezakan antara mereka. Jadi, yang paling penting adalah keluarga, dan juga untuk menarik suami. Jika dia melihat isterinya yang beragama Islam itu baik dan kekal sebagai isteri yang solehah, serta ada peluang untuk dia menerangkan Islam dan menunjukkan keindahan Islam, mungkin akhirnya dia menjadi seorang Muslim juga. Cinta boleh mengubah sesuatu.”*

*“Selagi suami tidak menyakiti isterinya, menghormati agamanya, dan tidak menyusahkan isterinya, dan isteri menghendaki agar suaminya masuk Islam, maka mengapa kita perlu tergesa-gesa meminta dia meninggalkan suaminya? ”*

- 
4. Mengekalkan perkahwinan boleh membawa kemaslahatan

*“Kadangkala suami bukan Islam lebih baik dan lebih memberi kebebasan kepada isterinya berbanding suami yang beragama Islam, jadi dia akan menyokong isterinya.”*

*“Mungkin ketika ini suaminya bukan Islam, tetapi dia boleh jadi sahabat kepada Islam. Akrab dengan Islam. Islam merupakan agama kasih sayang dan mementingkan nilai kekeluargaan yang tidak membenarkan kesengsaraan”*

*“Ini merupakan pilihan dalam beragama. Ini bermaksud, sekiranya Wanita memilih menjadi Muslim, itu adalah pilihannya, sekiranya suami memilih menjadi Islam, itu adalah pilihan suaminya, tetapi jika suaminya tidak mahu menjadi Muslim, itu adalah pilihannya juga. Isteri tidak boleh memaksa suami. Ia adalah sebahagian daripada Islam”*

- 
5. Mengekalkan perkahwinan boleh membawa kemudharatan

*“Menjadi Muslim adalah sebahagian daripada pengorbanan. Hidup bersama suami bukan Islam boleh membawa mudarat kepada isteri. Dia perlu berkorban demi agama”*

*“Sekiranya perkahwinan itu kekal di antara mereka, mungkin suaminya akan mencampuri urusan agama isteri dan menganggunya serta dalam hal anak. Oleh itu, Islam mementingkan kebebasan dalam mengamalkan agama. Maklumlah kedudukan isteri adalah di bawah jagaan suaminya”.*

---

Secara umumnya semua informan bersetuju prinsip Islam jelas dalam hal ini, namun menangani isu ini dalam konteks Muslim minoriti agak rumit. Bahkan mereka berpendirian ini adalah isu baharu. Justeru, isu wanita di barat memeluk Islam tanpa disertai suami merupakan isu kontemporari yang tidak berlaku di zaman generasi awal Islam. Juga, perbincangan dari sudut *Dar harbi* dan *Dar Islam* seperti yang

diketengahkan dalam karya klasik ilmuwan mazhab Hanafi, kelihatan tidak sesuai dipadankan dengan realiti Muslim minoriti di zaman kini. Walaupun prinsip Islam jelas bahawa wanita yang beragama Islam tidak boleh bersuamikan lelaki yang bukan Islam, namun isu ini berbeza kerana pada asalnya suami isteri ini berasal daripada agama bukan Islam kemudian isteri memilih untuk memeluk Islam tanpa

disertai suami beliau. Justeru, isu ini terbuka kepada perbincangan.

Situasi ini dikategorikan di bawah skop *Fiqh al-Aqaliyyat* (hukum hakam berkaitan Muslim minoriti). Isu ini memerlukan pertimbangan khusus kerana realiti yang berbeza dengan negara majoriti Muslim. Walaupun prinsip Islam dan kebanyakan hukum *syariah* bersifat kekal tanpa terkesan dengan perubahan zaman, namun aplikasi serta perlaksanaan hukumnya perlu pertimbangan perubahan semasa dan persekitaran. Sebelum melihat kepada status perkahwinan, adalah menjadi keperluan untuk melihat kepada isu yang lebih asas iaitu kebebasan beragama di mana Islam tidak memaksa bukan Muslim memeluk agama ini. Justeru, hal ini memerlukan pertimbangan secara keseluruhan bukan sekadar status perkahwinan. Ini kerana isu ini berbeza dengan apa yang dilarang oleh Sarjana Islam iaitu wanita beragama Islam mencari suami yang bukan Islam. Sebaliknya isu ini merujuk kepada situasi suami isteri yang asalnya bukan Muslim, melayari rumah tangga dengan bahagia, kemudian isteri memilih untuk memeluk Islam.

Oleh itu, bagi menangani isu ini dalam konteks Muslim minoriti di Britain, pendekatan yang pragmatik amat diperlukan bagi mengelak kemudatan kepada pelbagai pihak. Justeru dapat disimpulkan menerusi temu bual bersama para informan bahawa terdapat jurang dalam membincangkan isu ini dari sudut teori iaitu Islam melarang hubungan isteri yang beragama Islam namun tinggal bersama suami yang beragama sebaliknya dengan realiti iaitu pentingnya pendekatan yang harmoni dalam menyelesaikan isu ini. Para informan bersetuju sekiranya wanita yang sudah berkahwin memilih untuk memeluk Islam tanpa suaminya, kedua-dua mereka wajar diberi ruang untuk menyesuaikan diri. Toleransi ini

sebenarnya lebih memberi impak positif. Dalam masa yang sama, majoriti informan bersetuju kesan positif terbesar adalah terhadap institusi keluarga.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, bagi menangani isu perkahwinan wanita *muallaf* tanpa suami di negara Muslim minoriti seperti di Great Britain memerlukan kepada pendekatan yang khusus. Isu ini perlu ditangani secara berbeza daripada perbincangan klasik memandangkan situasi Muslim di negara majoriti bukan Islam tidak sama. Implikasi kajian ini memerlukan mufti menggunakan pendekatan *tadarruj* iaitu beransur-ansur bagi membantu wanita *muallaf* memenuhi komitmen *syariah*. Bagi mufti yang membenarkan pasangan untuk tinggal bersama, ia mesti mengikut syarat tertentu seperti memastikan kebebasan beragama bagi isteri terutamanya terjamin, isteri meneruskan usaha dakwah, dan anak-anak mesti dididik sebagai orang Islam. Segala keputusan harus dicapai bersama bagi mewujudkan *maslahah* (kesejahteraan) dan menjauhi *mafsadah* (kemudatan). Pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang amat penting dilakukan kerana ia merupakan sebahagian daripada *Maqasid Syariah* (matlamat *syariah*) yang mewakili kebijaksanaan Tuhan melalui ketetapan-Nya. Malah, dua elemen ini perlu dipertimbangkan sepenuhnya oleh pembuat dasar agama, pihak berkuasa dan mufti dalam melaksanakan hukum Islam. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti isu perkahwinan ini menurut perspektif undang-undang di negara-negara Muslim minoriti di seluruh dunia.

## Rujukan

Abdullah, A. A. (2014). Pembelaan hak kelompok minoriti dan wanita Islam. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

- Al-Ashur, M. (2001). *Maqasid al -syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Al-Ba`labaki, R. (1990). *Al-maurid al-wasit*. Beirut: Dar al-Alam lil Malayin.
- Al-Bahuti, M. (1993). *Sharh al-muntahāl al-irādāt*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ghazali, A. H. M. (1992). *Al-mustasfa min 'ilm al-usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Maghrinani, B. (2008). *Al-hidayah syarh bidayah. Muftadi'*. Editor Ahmad Jad. Cairo: Dar Hadith.
- Al-Qaradawi, Y. (2005). *Min huda al-Islam al-fatawa al-mu'asirah*. Cairo: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Y. (2008). *Mujibat taghyir al-fatwa*. Cairo: Dar al-Syuruq.
- Al-Raisuni, A. (1995). *Nazoriyyat al-maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Qatar: al-Ma'had al-`Alami lil fikr al-Islami.
- Al-Ramli (1984). *Nihayah al-muhtaj ila sharh al-minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shafi'i, M. (2001). *Al-Umm*. Riyad: Dar al-Wafa Ansori.
- Al-Yubi, M. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'alaqatuha bi al-adillah al-shar'iiyyah*. Washington: Dar al-Hijrah.
- Ansori, I. (2017). Kedudukan fatwa di beberapa negara Muslim (Malaysia, Brunei Darussalam dan Mesir). *Jurnal Studi Keislaman*, 17 (1): 137-166.
- Buang, A.H. (2002). Islam and Muslims in New Zealand. *Jurnal Usuluddin*, 16: 135-158.
- ECFR. (2010). *Al-qararat wa al-fatawa al-sadirah 'an al-majlis al-urubi li al-ifta' wa al-buhus*. Beirut: Muassasah al-Rayyan al-Nashirun.
- Hamdani, S. (2019). *Cabaran minoriti Muslim: Kajian di Jepun*. Shah Alam: Penerbitan Institut Kajian Zakat (IKAZ).
- Hamid, A. M. B. (2021). *Citra Maqasid al-Syariah: Dari kelahiran hingga kebangkitan*. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Hox, J. J. dan Boeije, H. R. (2005). Data collection, primary versus secondary. *Encyclopedia of Social Measurement*, 1: 593–599.
- Hsieh, H.F. dan Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9): 1277–1288.
- Ibn Abd al-Bar, Yusof. (1992). *Al-Isti'ab fi ma'rifah al-asob*. Beirut: Dar al-Jail.
- Ibn al-Qayyim, M. (2005). *Zaad al-ma'ad fi hadyi khair al-'ibad*. Cairo: Abu Bakar al-Siddiq.
- Ibn al-Qayyim, M. (2006). *'Ilam al-muwaqi'in 'an rabbi al-'alamin*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Ibn Ḥazm, 'A. (t.t). *Al-muḥalla bi al-athar*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Manzur (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim. (t.t). *'I'lam al-muwaqqi'in an rab al-'alamin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, A. (1997). *Al-Mughni*. Riyad: Dar al-'Alam al-Kutub

Ishak, M. S. I dan Asni, F. (2020). The role of Maqasid al-Shari'ah in applying Fiqh Muamalat into modern Islamic banking in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(9): 2137-2154. <https://doi.org/10.1108/JIABR-12-2019-0224>

Ishak, M. S. I dan Mohammad Nasir, N. S. (2021). The principle of maalat af'al and its application in Dealing with the issue of women converting without their husbands: A case study in Britain. *Islamiyyat*, 44(1): 221 - 230.

Kashan, P. (2017). The role of nomination committee in selecting diversified board: The case of Malaysia. Doctoral dissertation. University of Malaya.

Mansor, S. A., Enh, A. M., Mansor, S. dan Othman, A. (2024). The implications of the Russo-Ottoman war of 1877-1878 on the Muslim minorities in Bulgaria: Reports from the British Documents. *Global Journal Al-Thaqafah*. 14(1): 33-48.

Milah, H. M. (2009). *Al-fatwa nash'atuha wa tatawwaruha usuliha wa tatbiqatiha*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.

Najib, M. (2022). Perbezaan fatwa warta dan fatwa tidak warta. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/5139-irsyad-al-fatwa-siri-ke-669-perbezaan-fatwa-warta-dan-fatwa-tidak-warta>. Diakses pada 30 Mac 2022.

Nor, M. M. R. (2010). Meneladani sejarah umat Islam dalam membentuk masyarakat hadhari yang gemilang abad ke 21. *Jurnal Hadhari*, 2(2): 19-40.

Rahman, A. A. (2018). *Minority Muslims: A sociological and historical perspective*. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.

Salleh, M. (1999). Sumbangan masyarakat minoriti Islam dalam pembangunan republik Singapura. Seminar Kepimpinan Islam Serantau. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.

Samuri, M. A. A. dan Khan, A. S. N. (2020). Legal implications of conversion to Islam on civil marriage: Narrative of converts in Malaysia. *Islamiyyat*. 42(2): 103-111. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/44615>

Times Higher Education (2013). Diakses pada 2 Ogos 2024 <https://www.timeshighereducation.com/news/female-converts-to-islam-considered-in-new-study/2004157.article>

Zaidan, A. (1968). *Al-madkhal li al-dirasat al-shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar 'Umar al-Khatib.